

Headline	Perluas penanaman pokok nadir		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	25 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	48	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	286 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,003
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,009



Perluas penanaman pokok nadir

Kerajaan negeri mahu pastikan tanaman itu tidak pupus untuk kegunaan generasi akan datang

SELANDAR - Kerajaan negeri menyarankan pihak berkenaan memelihara kewujudan pokok nadir bagi memastikan ia tidak pupus pada masa hadapan.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ar Ismail Othman berkata, usaha pengumpulan pokok nadir itu perlu diperluaskan dan dilakukan secara berterusan.

Menurutnya, pokok atau buah nadir kini semakin jarang ditanam secara komersial, justeru ia juga semakin sukar ditemui.

"Penanaman pokok nadir penting bagi memastikan sumber genetik buah-buahan tersebut sentiasa terpelihara untuk kegunaan generasi hari ini dan akan datang.

"Ia akan dijadikan bahan rujukan atau sumber genetik dalam penyelidikan pembaikan baka pokok itu," katanya yang mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron pada Majlis Pelancaran Penanaman Pokok Buah-Buahan Nadir di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Hutan Simpan Bukit Sedanan di sini.

Tambah Ar Ismail, usaha pengumpulan pokok itu perlu dilakukan secara konsisten terutamanya di kawasan pinggir kampung, hutan rekreasi dan tempat yang dikenal pasti mempunyai pelbagai spesies tumbuhan.

"Spesies yang sukar ditemui itu perlu diberikan perhatian serta dipelihara bagi tujuan kajian dan maklumat buah-buahan itu juga perlu direkodkan.

"Saya yakin menerusi kaji selidik atau soal jawab daripada orang-orang tua yang mengetahui mengenai asal-usul pokok ini dapat menjelaskan kepada kita kegunaan pokok nadir," katanya.

Ar Ismail berkata, Malaysia adalah negara yang bertuah kerana kaya dengan kepelbagaian sumber genetik terutama buah-buahan dengan anggaran tidak kurang 370 spesies buah-buahan yang boleh dimakan.

"Kebanyakan buah masih boleh ditemui di hutan dengan 16 spesies dikelaskan sebagai buah-buahan utama dan selebihnya dikelaskan sebagai buah-buahan nadir.

"Oleh itu, saya minta masyarakat khususnya yang mempunyai kebun dan kawasan penanaman pokok untuk menanam pokok nadir bagi kepentingan generasi akan datang," katanya.

Sebanyak 188 pokok buah-buahan nadir daripada 28 spesies ditanam pada program itu.

Hadir sama, Presiden Balai Ikhtisas Malaysia, Datuk Ar Ismail Ngah; Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmood dan Pengarah Jabatan Landskap negeri, Sapiah Haron.

Headline	Perluas penanaman pokok nadir		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	25 May 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	48	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	286 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,003
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,009



Ar Ismail (tiga, kiri) menyiram pokok buah tampoi sebagai simbolik perasmian penanaman pokok nadir pada Majlis Pelancaran Penanaman Pokok Buah-buahan Nadir di FRIM, Hutan Simpan Bukit Sedanan.